

24/08/2005

NAZA-KAPASITI

NAZA LABUR RM220 JUTA TINGKAT KAPASITI PENGELUARAN DI GURUN

GURUN, 24 Ogos (Bernama) -- Naza Automotive Manufacturing (NAM), pengeluar kereta Naza yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Gurun di sini akan menambah pelaburan sebanyak RM220 juta bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran kilang berkenaan.

Pengarah Urusan syarikat kumpulan Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, berkata perbelanjaan itu, antara lain, adalah untuk menambah peralatan, mengeluarkan komponen tertentu sendiri (in-house) dan bagi pemasangan enjin.

Katanya pada masa ini kilang berkenaan berkemampuan mengeluarkan 50,000 unit kenderaan setahun bagi model Naza Ria dan Citra. Hujung tahun ini dua lagi model bakal dikeluarkan iaitu kenderaan sport utiliti (SUV) dan kenderaan penumpang.

"Pengeluaran dua model baru itu masing-masing adalah dengan kerjasama KIA Motor Corporation dan pengeluar kenderaan ternama dari Perancis," katanya semasa berucap pada majlis menyambut hari jadi ke-80 bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di pekarangan kilang berkenaan di sini, hari ini.

Dr Mahathir turut hadir pada majlis itu.

SM Nasimuddin berkata setakat ini syarikat berkenaan telah melabur sejumlah RM385 juta untuk membangunkan kilang di Gurun itu sejak ia mula beroperasi pada 2 Ogos 2004.

-- BERNAMA

MZM KY